

# G. KUKUM Sertai Misi Ke Amerika Syarikat

**Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin**, Rektor KUKUM, Prof. Dr. Sazali Yaacob, Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik, KUKUM dan Azizi Mohd Yusof, Pegawai Perhubungan Media, KUKUM telah menyertai Misi Galakan Perdagangan dan Pelaburan anjuran Malaysian Industrial Development Authority (MIDA) dengan kerjasama Malaysian External Trade Development Corporation (MATRADE) ke tiga buah negeri di Amerika Syarikat pada 23 Februari - 3 Mac 2005 lalu.

KUKUM telah menyertai lawatan tersebut atas undangan kerajaan negeri Perlis dan telah di ketuai sendiri oleh Dato' Zahidi Zainul Abidin, Exco Pelaburan, Perdagangan, Sains, Inovasi dan Pengguna. Turut menyertai rombongan dari Perlis ialah Encik Najmuddin A.Rahman, Pengurus Perancangan dan Pembangunan Perniagaan, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs).



G/1

Delegasi rombongan Malaysia seramai lebih kurang 60 orang yang terdiri dari wakil-wakil kerajaan negeri, syarikat swasta, kakitangan MIDA dan MATRADE, telah melawat Atlanta di Georgia, Cary di North Carolina dan Houston, Texas. Delegasi rombongan tersebut telah diketuai sendiri oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Rafidah Aziz, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia.

Misi KUKUM ke negara tersebut hanya memfokuskan kepada bidang pendidikan, melihat kepada peluang-peluang hubungan kerjasama (MoU) dengan mana-mana universiti di Amerika Syarikat, melihat kepada peluang penyelidikan bersama (*research collaboration*) yang membabitkan bidang kejuruteraan, mempromosi nama universiti ini kepada mana-mana individu atau organisasi yang berminat untuk menjalankan sebarang hubungan kerjasama dan berusaha mendapatkan serta memperkuatkan hubungan (*networking*) dengan mana-mana individu atau organisasi dari negara *Uncle Sam* tersebut.

KUKUM telah berjaya menemui beberapa orang wakil dari universiti di Amerika dan mereka telah menunjukkan minat yang begitu mendalam untuk menjalankan hubungan kerjasama. Antara lain mereka ialah C.G. Alexandrides, Profesor Emeritus dari Georgia State University, Atlanta, Pei-Fung Sun dari Emory University, Atlanta, Tucker Cox dari International Business Development, Atlanta, Shahriar Mostashari, Pengarah Program MBA, Campbell University, North Carolina dan Ken Dillo dari Wake Tech Community College, North Carolina.